

14/04/2004

Demokrasi bukan alasan utamakan agenda peribadi

Dr Mohamad Khir Toyo

PILIHAN Raya Umum ke-11 sudah berakhir dan keputusannya menyaksikan majoriti rakyat memberikan mandat besar kepada Barisan Nasional (BN) untuk terus menubuhkan kerajaan pada peringkat Persekutuan dan di 11 daripada 12 negeri yang mana pemilihan untuk badan perundangan diadakan. (Tempoh Dewan Undangan Negeri Sarawak hanya akan berakhir pada 2006).

Kemenangan ini melambangkan sokongan dan dokongan rakyat terhadap kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Razak untuk membawa negara dan bangsa ke arah kecemerlangan, kegemilangan dan terbilang.

Pilihan raya umum lalu menyaksikan BN berjaya menguasai 198 daripada 219 kerusi Dewan Rakyat yang dipertandingkan. Prestasi cemerlang ini juga dapat dilihat daripada penguasaan 11 daripada 12 kerajaan negeri, di samping kejayaan merampas kembali Terengganu yang dikuasai Pas pada pilihan raya umum lalu.

Di Kelantan, walaupun tewas BN berjaya mempamerkan prestasi yang membanggakan dengan memenangi 21 dari 45 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) - satu pencapaian terbaik BN Kelantan sejak 1990.

Kini, pilihan raya umum sudah selesai, kerajaan juga sudah dibentuk maka tiba masanya untuk kita membalas kembali kepercayaan yang diberikan rakyat. Rakyat yang menunjukkan sokongan terhadap BN perlu diberi balasan dengan kita pula sebagai kerajaan yang memerintah menyokong rakyat bagi memastikan setiap individu tanpa mengira taraf sosioekonomi, warna kulit dan agama mampu untuk mengoptimalkan potensi mereka dalam suasana persekitaran yang kondusif untuk meraih kehidupan yang lebih baik bagi diri dan keluarga.

Bagi ahli Umno yang menjadi tulang belakang kepada BN, setelah selesai kita berjuang memenangi hati dan minda rakyat dalam pilihan raya, maka kita akan berhadapan pula dengan pemilihan parti pada semua peringkat, daripada peringkat cawangan, bahagian sehingga ke peringkat Majlis Tertinggi. Pemilihan ini yang sepatutnya diadakan pada 2003 telah ditangguhkan bagi membolehkan semua pihak memberi tumpuan kepada pilihan raya lalu.

Tidak dapat dinafikan, pemilihan parti adalah penting dalam usaha memperkukuhkan organisasi itu kerana proses persempadanan semula kawasan pilihan raya telah menyaksikan pertambahan bahagian daripada 165 kepada 192. Ia juga adalah proses terakhir bagi melengkapkan proses peralihan kuasa kepada Pak Lah daripada Tun Dr Mahathir Mohamad yang bermula Oktober lalu.

Dalam keghairahan kita untuk menghadapi pemilihan parti kali ini, kita harus berhenti sejenak bagi mengingati dan menginsafi bahawa mandat besar yang baru kita terima daripada rakyat bukannya untuk digunakan bagi bermegah dan mendabik dada sebagai justifikasi untuk mendapat tempat dan kedudukan dalam parti, sebaliknya ia menuntut kita untuk bekerja lebih keras bagi memastikan amanah yang telah diberikan tidak dipersia-siakan.

Sesungguhnya masih banyak kerja yang perlu kita laksana dan bereskan. Cabaran yang akan kita hadapi sebagai kerajaan pada kali ini adalah pelbagai dan begitu mencabar.

Sebagai kerajaan, kita bercita-cita menghapuskan kemiskinan tegar dan relatif, kita mahu memodenkan sektor pertanian negara dan kita juga mahu memberi penekanan baru yang lebih bertenaga kepada usaha membangunkan kawasan luar bandar.

Sesungguhnya penekanan baru ini ditambah pula dengan cabaran sedia ada seperti globalisasi dan persaingan kompetitif untuk mendapatkan modal dan pasaran, cabaran untuk perangsang pertumbuhan ekonomi yang sihat.

Cabaran lain ialah mencari sumber pertumbuhan baru yang mapan dan cabaran untuk mentransformasi ekonomi daripada ekonomi 'brick and mortar' kepada ekonomi yang berasaskan pengetahuan atau 'k-economy'.

Selain itu, kita juga perlu berhadapan dengan cabaran untuk memastikan pengagihan yang bersifat 'equitable' bagi kepentingan kestabilan sosioekonomi masyarakat majmuk Malaysia dan cabaran untuk mengukuhkan perpaduan kebangsaan memerlukan usaha yang gigih, kerja keras dan fokus yang lebih mantap.

Rakyat yang sudah meletakkan masa depan mereka di tangan kita kerana mereka percaya kepada janji kita sebagai sebuah parti yang telah melalui ujian dan telah dapat membuktikan bahawa kita adalah parti yang memiliki keupayaan mengotakan janji yang telah kita kemukakan, tidak boleh dihampakan.

Oleh itu, janganlah kita menunjukkan contoh yang kurang elok atau kurang baik kepada rakyat dengan kelihatan begitu rancak dan ghairah untuk merebut kedudukan dalam parti, sedangkan kita mengabaikan tanggungjawab untuk memastikan kehidupan rakyat yang diwakili adalah lebih baik dari hari semalam dan akan bertambah baik lagi pada masa depan.

Jika kita berbuat demikian, maka pengundi terutama di kalangan generasi muda yang telah memberikan mandat mereka kepada kita kali ini, akan menjadi sinis terhadap politik dan ahli politik. Mereka mungkin mengundi pihak lain dalam pilihan raya akan datang atau tidak mengundi langsung kerana kebanyakan mereka bukan terdiri daripada ahli parti politik.

Setelah membina harapan dengan cemerlang kali ini, jika kita tidak membuahkan hasil maka kita pasti akan dilanda taufan yang dahsyat pada hari muka.

Sememangnya, Umno adalah sebuah parti yang demokratik dan pertandingan adalah dibenarkan untuk jawatan dalam parti kerana inilah cara terbaik untuk membugarkan sesebuah organisasi siasah.

Namun, demokrasi tidak harus dijadikan alasan bagi meletakkan kepentingan agenda peribadi di atas agenda parti dan tanggungjawab kepada rakyat. Marilah kita memastikan imej Umno adalah sebagai sebuah badan siasah yang mesra rakyat dan yang meletakkan kepentingan rakyat sebagai perkara perdana kerana Umno sendiri lahir hasil daripada aspirasi umat Melayu yang mahukan kehidupan bebas dan berrmaruah supaya dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa lain di dunia.

Marilah kita mengekalkan Umno sebagai benteng yang menyelamatkan umat Melayu daripada ancaman golongan ekstremis, anarki dan chauvanis yang boleh menghancurkan umat Melayu. Ini hanya dapat dizahirkan dengan sokongan umat Melayu.

Janganlah ada antara kita yang lupa daratan dan seterusnya mendabik dada mendakwa kemenangan ini berpunca daripada mereka ini kerana kemenangan yang kita kecapai adalah usaha kolektif semua jentera parti di bawah kepimpinan cemerlang, gemilang dan terbilang Pak Lah dan Najib.

Kita telah dapat mengembalikan kepercayaan umat Melayu kepada Umno, di samping menjadikan Umno lebih menarik kepada golongan muda. Oleh itu, marilah kita memelihara kepercayaan ini bagai menatang minyak yang penuh. Ini kerana kepercayaan ini boleh hilang dalam sekelip mata jika kita kelihatan angkuh, bongkak dan tidak sensitif.

Kita akan kelihatan angkuh, bongkak dan tidak sensitif jika kita begitu ghairah berebut-rebut ingin mendaki hierarki parti demi kepentingan agenda peribadi. Ini akan menimbulkan tanggapan bahawa tidak ada perubahan yang berlaku dalam budaya politik negara dan parti, walaupun kita telah menjulang harapan mereka.

Kesinisan rakyat akan meningkat dan menebal. Ingatlah bahawa politik adalah sebahagian besarnya berasaskan tanggapan dan sekali dianggap buruk, amat sukar untuk kita memulihkan semula imej, manakala kegagalan memulihkan imej akan mendatangkan bala yang amat besar dalam persaingan untuk memenangi hati dan minda orang ramai.

Kita harus insaf walaupun kita mempunyai produk yang baik, jika tanggapan ramai bahawa produk kita mempunyai imej yang buruk, maka tetap buruklah produk kita. Inilah yang berlaku pada 1999. Oleh itu, janganlah kita terpatuk oleh ular dua kali di dalam lubang yang sama.

* Penulis adalah Menteri Besar Selangor yang juga Exco Pergerakan Pemuda Umno.